

## **KESUSASTERAAN DAN PERANAN PUISI DALAM KEHIDUPAN KANAK-KANAK**

Ani Haji Omar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

### **ABSTRAK**

Perkara yang perlu ada di dalam kesusasteraan kanak-kanak mestilah sesuai dengan perkembangan psikologi mereka bukan berdasarkan kehendak orang dewasa. Sehubungan dengan itu, berdasarkan kajian teks, artikel ini mengetengahkan sekumpulan puisi kanak-kanak berjudul Dari Jendela Terbuka karya Anis terbitan Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (2009) sebagai hasil seni kreatif bahasa yang mengungkapkan pelbagai fenomena kehidupan berdasarkan sensitiviti dan kreativiti pengarang. Penelitian akan berfokus kepada tiga unsur utama yang membina kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa serta kesusasteraan itu. Pertama, seni bahasa yang menjadi alat pengucapan pengarang. Kedua, isi iaitu fenomena kehidupan yang menyangkut persoalan manusia, kemanusiaan, dan ketiga kreativiti iaitu, cara penampilan bakat pengarang melalui gaya penciptaan. Ketiga-tiga fokus utama ini akan dikaitkan dengan teori pemikiran bersepadu iaitu Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L/4K (SPB4L/4K) yang sesuai diaplikasikan di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dan kesusasteraan Melayu.

**Kata kunci:** kesusasteraan kanak-kanak, seni kreatif bahasa, fenomena kehidupan, manusia dan kemanusiaan, teori SPB4L/4K

### **ABSTRACT**

*Things to have in children's literature should be suitable to their psychological development is not based on the needs of adults. Accordingly, based on text analysis, this article highlights a group of nursery rhymes titled From Open Windows Publisher derivative works Anis Sultan Idris Education University (2009) as a result of creative art which expresses the language based on the sensitivity of various phenomena of life and creativity of the author. Research will focus on three key elements that build creativity in the teaching and learning of languages and literature. First, the art of speaking the language became a tool author. Second, the content of the question concerning the phenomenon of human life, humanity, and all the creativity that is, the way the author of talent through the creation of style. The three main focus will be linked to the theory of integrated thinking that 4L/4K Integrated Systems Thinking Theory (SPB4L/4K) would be applied in the teaching and learning of Malay language and literature.*

**Keywords:** children's literature, creative art language, the phenomenon of life, man and humanity, theory SPB4L/4K

## PENGENALAN

Sastera kanak-kanak merupakan gambaran kehidupan dan fikiran manusia melalui bahasa serta keindahannya. Fenomena yang diungkapkan dan digambarkan adalah bersesuaian dengan perkembangan kognitif, efektif dan psikomotor yang dibatasi oleh peringkat usia yang masih muda. Bernard (1973) berpendapat sastera kanak-kanak mestilah mencerminkan keseronokan, memberikan harapan dan mengandungi unsur optimis di samping memberikan pengetahuan dan pengalaman baharu kepada pembaca, penyampai dan pendengarnya. Selain daripada itu ia juga diertikan sebagai bacaan kanak-kanak, yang bahan-bahan itu secara langsung memberikan beberapa tujuan antaranya, untuk meluas dan memperkayakan pengalaman kanak-kanak terhadap kehidupan manusia. Sastera kanak-kanak juga adalah untuk memberi peluang kanak-kanak mencari idea-idea baharu dalam pembacaan. Seterusnya untuk mendapat tauladan daripada pembacaan dan dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah dan untuk memperkukuhkan perasaan taat setia dan sayang kepada negara.

Berdasarkan pernyataan di atas, sastera kanak-kanak adalah berbeza daripada sastera dewasa, yang tujuan menulis dan penciptaannya adalah untuk memberikan tauladan yang baik, di samping memberikan hiburan dan kesan katarsis. Persekitaran kanak-kanak adalah mengandungi bahan-bahan yang boleh diolah dengan baik dan berguna untuk mereka. Fungsi sastera kanak-kanak merupakan tugas yang murni, kerana melaluinya akan dapat dinyalakan semangat kerajinan, pembangunan, patriotisme, kasih sayang, di samping menanamkan sifat-sifat keberanian, budi pekerti yang baik dan memupuk rasa cinta terhadap bahasa ibundanya. Selain daripada itu, tugas murni sastera kanak-kanak adalah untuk mencetuskan minat kanak-kanak ke alam pembacaan. Sastera kanak-kanak juga bertujuan mendidik kanak-kanak supaya menyanjung bahan bacaan di samping memupuk keinginan menikmati seni yang bermutu dan menceritakan kepada mereka kisah dunia yang luas dan fana ini. Justeru, buku untuk kanak-kanak memerlukan perhatian yang lebih dan peranan penulis dalam bidang ini adalah besar sekali kerana menerusi karya yang dihasilkan akan dapat mendidik jiwa dan pemikiran kanak-kanak ke arah yang seimbang dan menjadi insan kamil.

Untuk menghasilkan karya sastera kanak-kanak yang benar-benar bermutu, pengkarya mestilah juga mengetahui tentang keperluan kanak-kanak terhadap sastera dari aspek intelek, emosi dan rohani mereka dan antara keperluan itu termasuklah keperluan terhadap kasih sayang, perlukan kecekapan dan kebolehan sendiri, perubahan hidup, memenuhi naluri ingin tahu dan ingin menikmati keindahan. Oleh itu, penulis sastera kanak-kanak mestilah mencipta sesebuah karya dengan bertitik tolak daripada keperluan-keperluan ini. Keperluan mereka akan dapat dipenuhi melalui buku yang kaya dengan nilai-nilai estetika, di samping kanak-kanak akan dapat membina konsep masyarakat dan mengenali peranan mereka dalam masyarakat. Melalui sastera kanak-kanak juga mereka akan mengetahui peranan sebagai sebahagian anggota dalam masyarakat dan kepentingan mereka kepada negara dan bangsa.

Selanjutnya dapatan kajian yang akan diketengahkan ialah kajian teks ke atas kumpulan puisi dan menghuraikan peranannya dalam kehidupan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, *Dari Jendela Terbuka* mengandungi 35 buah puisi khusus untuk kanak-kanak. Menurut penulis buku ini Anis atau nama sebenarnya Amida Abdul Hamid (2009) dalam usia yang muda, kanak-kanak mempunyai minda yang peka terhadap alam sekeliling. Kepekaan itu bermula dari alam rumahtangga. Kasih sayang ibu bapa dan keakraban dalam kalangan ahli keluarga menambat hati kanak-kanak kepada alam kekeluargaan yang mesra. Aktiviti bersama ibu bapa memainkan peranan yang besar untuk mengeratkan lagi tali kemesraan dalam keluarga. Kehadiran adik kecil dan ahli keluarga yang lebih tua, termasuk abang dan datuk, mewarnai kehidupan anak-anak yang lebih ceria dan berkualiti. Kanak-kanak memiliki naluri ingin tahu yang amat luas. Huraian selanjutnya pengkaji akan mengaitkannya dengan teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L/4K.

### **Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L/4K (Teori SPB4L/4K)**

Kecemerlangan sesuatu bangsa adalah bergantung kepada tahap pembangunan pemikiran manusia. Daya pemikiran yang mantap dapat menjadi kayu ukur dalam meningkatkan dan memartabatkan bangsa tersebut. Berdasarkan prinsip meningkatkan pembangunan mental bangsa Malaysia, satu kaedah pemikiran saintifik iaitu satu sistem pemikiran yang tersusun, sistematik dan berdasarkan kaedah saintifik perlu dilaksanakan. Mohd. Yusof Hasan (2004) menyatakan pemikiran adalah kegiatan dan proses penggunaan akal manusia untuk berbagai-bagai tujuan dalam kehidupannya. Akal adalah organ pertama yang mula-mula dicipta oleh Tuhan dalam usia enam hari selepas benih lelaki dan benih wanita bertemu dalam rahim ibunya. Akal adalah bentuk fizikal, manakala minda adalah proses fikir atau *think*. Dari perkataan itu lahir perkataan berfikir, memikir, terfikir, pemikiran, pemikir dan sebagainya. Pemikiran bertujuan untuk menyelesaikan masalah dan mengambil keputusan untuk kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia.

Menurut Mohd. Yusof Hasan (2003) pemikiran ialah hasil daripada aktiviti otak, akal atau minda dan saintifik ialah sistem atau susunan dalam proses pemikiran. Menurut Muhammad Yusuf Khalid pula melalui artikel beliau berjudul Manusia Mulia Maksimalkan Penggunaan Akal yang tersiar dalam *Utusan Malaysia*, Rabu bertarikh 10 Disember 2003 di halaman 6, menyatakan bahawa manusia menjadi manusia kerana akalnya, dengan akal manusia berkongsi dengan malaikat dan berbeza dengan binatang. Manusia yang paling mulia ialah manusia yang memaksimumkan penggunaan akalnya, dan barang siapa yang membiarkan dua kekuatannya yang lain itu mendominasi dirinya maka dia jatuh ke martabat binatang. Menurut beliau lagi yang memetik pendapat Imam al-Ghazali, kekuatan manusia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu, quwwat al-Hikmah (kekuatan kebijaksanaan atau ilmu), quwwat al-Ghadab (kekuatan sifat marah) dan quwwat al-Sahwah (kekuatan hawa nafsu). Menurut Imam al-Ghazali keseimbangan tiga kekuatan inilah yang menghasilkan akhlak yang mulia atau keadilan. Matlamat akhlak pada pandangan beliau ialah menimbang seseorang individu menerusi neraca syarak dan akal.

Abdul Fatah Hasan (1998) menyatakan otak dan akal merupakan alat peneroka dan penyelidik ilmu dan maklumat kepada manusia yang perlu

menggunakan otak yang pintar dan akal yang waras secara berterusan untuk menjana ilmu dan maklumat terkini sejajar dengan tuntutan semasa. Abdul Fatah Hasan (1998) menyatakan sebagai alat penjana dan penyelidik ilmu, otak mempunyai fungsi yang amat menakjubkan. Hampir sembilan ratus tahun dahulu, Imam Ghazali telah menyedari hakikat ini. Beliau telah menyarankan dan telah mengenal pasti sekurang-kurangnya ada lima fungsi utama otak. Mengikut pendapat beliau, pada otaklah berlakunya beberapa aktiviti seperti ingatan, visual atau bayangan, perasaan, sintesis dan daya berfikir. Pendapat ini sesuai dengan beberapa kajian yang telah dibuat oleh beberapa ahli sains tentang fungsi otak umpamanya kajian yang telah dilakukan oleh Roger Sperry.

Rasulullah s.a.w juga menyarankan manusia untuk memperoleh sesuatu yang berguna sama ada dalam bentuk kebendaan atau nilai moral serta melarang dan mencegah manusia supaya tidak menjadi lemah dan malas. Baginda juga memberikan peringatan kepada manusia supaya menggunakan otak untuk kejayaan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat dengan sabdanya yang bermaksud:

Orang yang cerdas otaknya ialah orang yang tunduk dan beramal untuk akhiratnya. Orang yang lemah otaknya ialah orang yang suka mengikut hawa nafsunya kepada perkara-perkara yang tercela.

(Mustafa' Abdul Rahman, 2001)

Daripada ayat di atas dapat dibuat rumusan bahawa manusia disarankan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan yang bermanfaat dari sehari ke sehari. Manusia juga diseru menggunakan akal dan otaknya supaya dianugerahkan hikmah dan kebijaksanaan untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat dan melawan hawa nafsu supaya tidak cenderung kepada perlakuan yang tercela serta manusia perlu memiliki otak yang cerdas.


Bagi membina pembangunan mental bangsa Malaysia dan mewujudkan negara yang berilmu, berakhlak dan bermartabat, warga Malaysia perlu mempunyai daya pembangunan pemikiran yang mantap sebagai landasan paradigma pemikiran Malaysia yang ceria. Untuk meningkatkan pembangunan pemikiran bangsa Malaysia yang majmuk dan bersatu padu, bidang kesusasteraan Melayu dan pengkaji sastera perlulah mempunyai formula pemikiran Malaysia yang menggabungkan Sistem Pemikiran Bersepadu 4L iaitu Luhur, Lahir, Logik dan Lateral (SPB4L), atau Sistem Pemikiran Bersepadu 4K iaitu Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan (SPB4K). Paradigma pemikiran Malaysia ini sesuai, selaras dan selari dengan Falsafah Pendidikan Negara iaitu mewujudkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Keempat-empat jenis pemikiran ini hendaklah disepadukan dalam diri setiap rakyat Malaysia supaya menjadi kemahiran dan amalan dalam kehidupan seharian. Setiap rakyat Malaysia perlulah memiliki kemahiran pemikiran Luhur/Kerohanian, pemikiran Lahir/Kebitaraan, pemikiran Logik/Kesaintifikan dan pemikiran Lateral/Kekreatifan.

Negara Malaysia yang berbilang kaum khususnya bagi bangsa Melayu pemikiran akan menentukan keagungan bangsa tersebut. Mohd. Yusof Hasan (2004) menyatakan untuk membina revolusi mental bangsa Melayu dan

mewujudkan negara yang bermartabat, rakyat perlu mempunyai daya pembangunan pemikiran yang mantap sebagai landasan paradigma pemikiran Melayu yang ceria.

Untuk mempersiapkan bangsa menghadapi cabaran-cabaran mencabar di alaf baru sebuah teori sistem pemikiran yang bersepadu dan mantap perlu diwujudkan. Mohd. Yusof Hasan (2004) mengambil contoh dari negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Great Britain, Perancis, Rusia, China, Jepun, Jerman, Israel, Singapura dan Venezuela yang telah mengadakan program-program pembangunan pemikiran secara besar-besaran untuk meningkatkan dan memartabatkan bangsanya masing-masing. Melalui program sedemikian dunia telah menyaksikan dua negara iaitu Jepun dan Jerman boleh bangun dan maju selepas 50 tahun ditekan dan dihina setelah kalah dalam Perang Dunia Kedua pada 1945. Kini, Jepun dan Jerman menjadi negara-negara maju dengan sains dan teknologinya. Bukan sahaja untuk memartabatkan pemikiran bangsa, teori SPB4L/SPB4K adalah untuk sistem pendidikan yang seimbang dan peningkatan Kesusasteraan Melayu Moden. Mohd. Yusof Hasan dalam kertas kerja Penerapan Teori SPB4L Dalam Karya Abdullah Hussain (UPSI: 2002) menyatakan bagi kemungkinan mengadakan sebuah teori pendidikan dan penghayatan Kesusasteraan Melayu Moden, teori SPB4L/SPB4K mengambil tiga sumber falsafah ilmu dan pendidikan iaitu Falsafah Ilmu dan Pendidikan Islam, Falsafah Ilmu dan Pendidikan Barat, Falsafah Ilmu dan Pendidikan Kebangsaan Malaysia. Falsafah Ilmu dan Pendidikan itu pula sesuai dengan dwi peranan manusia sebagai hamba Allah dan khalifah sesama manusia melalui tuntutan Ilmu Naqli dan Ilmu Aqli.

Teori Sistem Pemikiran Bersepadu Empat L atau Empat K dikenali sebagai Teori SPB4L/SPB4K merangkumi pemikiran Luhur/Kerohanian, pemikiran Lahir/Kebitaraan, pemikiran Logik/Kesaintifikan, dan pemikiran Lateral/Kekreatifan. Mohd. Yusof Hasan (2004) menyatakan pemikiran Luhur/Kerohanian ialah pemikiran yang amat suci, luhur dan tinggi martabatnya. Pemikiran ini berhubung dengan keimanan, ketauhidan dan kepercayaan manusia terhadap keesaan dan kebesaran Allah. Seterusnya, pemikiran Lahir/Kebitaraan khusus untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Islam mementingkan asas kekeluargaan ini yang bermula daripada perkahwinan manusia, hubungan suami isteri, mengandung, penjagaan pendidikan asas semasa bayi, dan pendidikan pada masa kanak-kanak. Pemikiran Logik/Kesaintifikan ialah sejenis pemikiran yang berdasarkan ilmu-ilmu pasti, ilmu sains, dan ilmu matematik. Pemikiran jenis ini memerlukan bukti, hujah, fakta, dan kebenaran. Mohd. Yusof Hasan (2004) menyatakan ilmu logik membantu melahirkan pemikiran yang jelas untuk penulisan atau penuturan. Kesaintifikan/Logik ialah proses penaakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea dan fakta. Ilmu Kesaintifikan/Logik ialah keseluruhan proses yang membawa kepada keputusan melalui penaakulan yang berdasarkan bukti-bukti yang jelas dan konkrit. Pemikiran Lateral/Kekreatifan pula ialah sejenis pemikiran yang tidak mementingkan logik, fakta atau kebenaran. Pemikiran jenis ini lebih mementingkan kreativiti, imaginasi, rekaan, khayalan semata-mata. Mohd. Yusof Hasan (2004) menyatakan objektif pemikiran ini ialah untuk memahami kepentingan pemikiran dan tempatnya dalam pemikiran manusia. Dalam pemikiran Kekreatifan/Lateral terdapat teknik-teknik mengenai pemikiran kreatif. Keempat-empat jenis pemikiran itu dapat dilukiskan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Empat jenis pemikiran  
 Sumber: Mohd. Yusof Hasan (2003)

Mohd Yusof Hasan (2003) memetik pendapat seorang pakar perkembangan minda, Roger Sperry, minda atau otak manusia terbahagi kepada dua hemisfera yang berbeza fungsinya. Pertama, hemisfera otak kiri atau ringkasnya hoki. Otak sebelah kiri ini mempunyai kemampuan sains dan teknologi. Kedua hemisfera otak kanan atau ringkasnya hoka. Otak sebelah kanan ini mempunyai kemampuan kreativiti, inovasi dan sastera.

Menurut pangasas teori ini, Mohd Yusof Hasan dalam artikel beliau yang bertajuk SPB4L Melahirkan Insan Syumul tersiar dalam majalah Dewan Sastera, keluaran bulan Mac 2002 di halaman 20, menyatakan sumber teori ini adalah IBM iaitu Islam, Barat dan Malaysia. Daripada Islam, dilihat peranan manusia sebagai hamba dan khalifah, hubungan manusia dengan Allah, dan hubungan manusia dengan sesama manusia, fardu ain dan fardu kifayah, ilmu naqli dan ilmu aqli. Dari barat, dipelajari beberapa teori moden tentang otak, akal dan minda. Dari Malaysia, dilihat cara hidup masyarakat majmuk dalam kalangan orang Melayu, China, India dan lain-lain bangsa. Dari segi pendidikan pula, Islam menekankan unsur ketuhanan, minda dan jasmani. Barat mementingkan domain kognitif, afektif dan psikomotor. Falsafah Pendidikan Negara mementingkan rohani, minda dan jasmani. Di dunia Barat, terdapat konsep IQ iaitu kemahiran intelek, EQ iaitu kemahiran

emosi, dan SQ iaitu kemahiran rohaniah. Oleh itu, teori ini mementingkan konsep pemikiran bersepadu untuk melahirkan insan yang syumul atau insan kamil (sempurna). Artikel ini selanjutnya pengkaji akan menggunakan 4K sahaja iaitu pemikiran Kerohanian, pemikiran Kebitaraan, pemikiran Kesaintifikan dan pemikiran Kekreatifan untuk mengaitkannya dengan kumpulan puisi yang dikaji.

### **Peranan Puisi Kanak-Kanak dari Perspektif Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (Teori SPB4K)**

Puisi kanak-kanak adalah satu genre yang mempunyai kerangka dan ciri-ciri tersendiri. Sesungguhnya puisi telah lama terlahir dalam sejarah peradaban manusia

sebagaimana yang disebut oleh Dharmawijaya (1998), yang mengatakan bahawa puisi telah diterima umum sebagai bentuk karya sastera yang paling tua. Karya-karya agung seperti Mahabrata, Ramayana, Oedipus, Hamlet dan Macbeth ditulis dalam bentuk puisi. Malah puisi membuka nuansa jauh yang lebih luas seperti yang dikatakan oleh Muhammad Haji Salleh (2009) bahawa salah satu sumbangan puisi ialah menawarkan babak-babak canggih dan rumit perasaannya, dan oleh itu membawa pembaca kepada dunia penerokaan ruang-ruang baharu kehidupan. Malah Matthew Arnold (1987) pengkritik dan intelektual Inggeris pada kurun ke-19 melihat puisi dalam nuansa yang lebih luas lagi dengan mengatakan bahawa kita harus menanggapi puisi seantasnya, dan lebih tinggi daripada yang biasa kita tanggap. Puisi harus ditanggap sebagai sesuatu yang mampu memberi kegunaan yang lebih besar, dan menuju matlamat yang lebih tinggi daripada biasa yang diberikan orang selama ini. Haviland (1972) menjelaskan bahawa puisi kanak-kanak perlu bersifat; pertama cerita yang menghiburkan, kedua bertolak daripada ruang dan pengalaman seharian mereka, dan ketiga mempunyai unsur-unsur fantasi dan imaginatif. Beliau mengambil contoh puisi *Twinkle Twinkle Little Stars* dan *Five Little Monkeys* sebagai karya yang boleh disandarkan sebagai ukuran. Ketiga-tiga ciri ini merupakan format atau kerangka yang seolah-olah dipersetujui dan diterima pakai oleh kebanyakan sarjana sastera kanak-kanak. Walau bagaimanapun, puisi kanak-kanak Melayu khususnya yang berlatar belakangkan tempatan adalah agak berbeza kerana genre ini lebih berfokus kepada sentuhan rasa dan pengembalian kenangan, iaitu memori masa lalu yang sukar dikongsi akibat pertembungan budaya, agama, dan persekitaran.

Justeru, puisi kanak-kanak yang bergerak daripada prinsip hiburan dengan corak dendangan atau persembahan gerak lakon yang berkisar kepada realiti dalam kehidupan seharian mereka, dilihat lebih berupaya mengisi kekosongan cita rasa kanak-kanak itu sendiri. Berkaitan dengan itu didapati keragaman bahan bacaan kanak-kanak amat besar faedahnya kepada golongan kanak-kanak kerana mereka mempunyai pelbagai bahan bacaan pilihan. Oleh yang demikian, Dari Jendela Terbuka misalnya beberapa buah puisi yang awal memberi fokus kepada rima bunyi dan nama objek yang biasa terdapat dalam kehidupan seharian kanak-kanak. Umpamanya puisi A B C D, Pat Pat Pat dan puisi Rama-Rama. Membaca puisi ini akan menjadi lebih berkesan sekiranya dibaca secara beramai-ramai, mungkin diiringi tepukan tangan yang harmoni. Pemikiran kreatif dan kebitaraan jelas dapat diaplikasikan dengan kaedah ini. Sehubungan dengan itu, puisi juga boleh dilagukan. Umpamanya puisi berikut;

### **Rama-Rama**

Suatu pagi itu  
Di kebun bunga saya  
Ada rama-rama  
Datang menyeri bunga

Rama-rama cantik  
Sayap warna-warni  
Terbang sana sini  
Bunga suka hati



Seterusnya pembacaan akan menjadi lebih menarik jika puisi itu dilakonan. Puisi ini dilakonan dengan memberi peranan sebagai anak itik kepada kanak-kanak yang terpilih. Puisi Anak Itik boleh dilakonan supaya kanak-kanak dapat membiasakan sebutan dengan hakikat angka. Pemikiran kekreatifan, kesaintifikan dan kebitaraan akan dapat dipupuk melalui aktiviti lakonan seperti ini.

### **Anak Itik**

Seekor anak itik  
Bermain di tepi paya  
Datang seekor lagi  
Berlari berlumba-lumba.

Dua ekor anak itik  
Bermain di tepi sungai  
Datang seekor lagi  
Berenang sudah pandai

...

Sebagai tambahan ibu bapa dan guru boleh meminta kanak-kanak bercerita tentang anak itik, warna bulunya, pandai berenang, bagaimana bunyinya dan bagaimana habitat anak itik mengikut persepsi mereka.

Pembacaan puisi menjadi lebih bererti apabila diwujudkan aktiviti yang bersabit dengan puisi berkenaan. Puisi Kapal Kertas boleh didahului dengan ibu bapa dan guru membimbing kanak-kanak melipat helaian akhbar menjadi kapal. Aktiviti ini mengajar kanak-kanak kepada seni origami. Pemikiran kekreatifan dan pemikiran kebitaraan akan diaplikasikan apabila setelah menghasilkan kapal kertas, akan terhasil pula lipatan kertas lain seperti bola, bakul, dan burung.

### **Kapal Kertas**

Sehelai surat kabar  
Dilipat sana sini  
Cantik bagai gambar  
Kapal kertas ini

...

Melalui pemikiran kekreatifan, kebitaraan akan menjana minda kanak-kanak untuk berfikir secara kreatif umpamanya melalui aktiviti seni visual. Melukis dan mewarna misalnya merupakan aktiviti yang diminati kanak-kanak. Setelah membaca dan menikmati puisi, kanak-kanak boleh diberi kebebasan untuk membuat ilustrasi mereka sendiri bagi puisi-puisi berkenaan. Umpamanya puisi Matahari, murid-murid boleh berimajinasi seperti yang digambarkan dalam puisi berikut;

## **Matahari**

Matahari pagi mengintai dari sebalik  
Bukit menghijau  
Cahaya emasnya tersibar luas  
Kilau-kemilau  
Merenjis warna pada daun-daun  
Rimbun  
Seperti pelangi berbuai-buai pada  
Butiran embun

...

Malah tidak dinafikan afdalnya peranan perbincangan tentang sesuatu puisi. Puisi Di Tepi Pantai boleh mengundang kanak-kanak untuk bercerita menerusi pemikiran kebitaraan dan pemikiran kesintifikan, tentang pengalamannya sekeluarga di tepi pantai. Begitu juga halnya dengan beberapa buah puisi lain seperti Aduh Sayang, Pasar Tani, Almari Kecil, dan Main Buai.

Pengaplikasian multimedia juga boleh menarik minat kanak-kanak terhadap sastera kanak-kanak, khususnya puisi yang dibincangkan. Multimedia boleh digunakan sebagai media pendidikan yang berkesan termasuklah dalam percambahan emosi kanak-kanak. Sesuai dengan pemikiran kebitaraan dan kesaintifikan, multimedia merupakan teknologi yang menggabungkan pelbagai sumber maklumat (media) seperti teks, grafik, bunyi, animasi, video dan sebagainya yang mana maklumat ini disampaikan dan dikawal oleh sistem secara interaktif. Gambaran fenomena alam akan berjaya memberi kesan yang mendalam dan menambat hati kanak-kanak seperti gambaran panahan cahaya matahari, hujan dan angin. Sekiranya guru berjaya mengaplikasikan pelbagai bahan multimedia tersebut puisi Matahari, Waktu Pagi, Hujan, dan Angin akan menarik minat kanak-kanak bukan sahaja mereka akan merasa terhibur malah akan mudah memahami dan mengerti tentang besarnya ciptaan Tuhan dimana guru telah menerapkan pemikiran kerohanian di jiwa kanak-kanak. Kaedah ini selain daripada memberi kesan bunyi dan animasi boleh juga diselitkan irama atau dilagukan puisi tersebut.

Sebagaimana yang telah dijelaskan, elemen audio mampu menarik perhatian dan menumpukan minat kanak-kanak terhadap bahan sastera khususnya puisi yang hendak disampaikan. Selain daripada itu, ia dapat meningkatkan pemahaman dan membantu kanak-kanak mengingat mesej dan maksud yang hendak disampaikan melalui puisi yang telah di aplikasikan dengan bantuan alat multimedia yang berkenaan. Ini akan sekaligus dapat mempengaruhi emosi dan cara berfikir kanak-kanak. Dengan adanya penerapan elemen audio visual ianya turut dapat mengilustrasikan idea yang kompleks dan dapat meningkatkan konsentrasi kanak-kanak terhadap penyampaian guru serta dapat menjana keempat-empat pemikiran iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kreatif.

## **Seni Bahasa Menjadi Alat Pengucapan Melambangkan Pemikiran Kebiasaan dan Pemikiran Kekreatifan Pengarang**

Kanak-kanak akan memberi tindak balas kepada pola-pola bahasa yang bersifat seni. Pengucapan bersifat seni ini memberi makna keseluruhan atau kesempurnaan, keseimbangan, kejernihan, kekuatan dan kesatuan yang ditampilkan melalui karya yang berseni iaitu karya sastera. Bahasa ibarat pedang, sastera adalah kilaunya. Ungkapan ini membawa maksud; kata-kata (bahasa) mempunyai kuasa yang diibaratkan pedang, dan seni bahasa adalah kehalusan yang diibaratkan kilaunya. Begitulah ibaratnya bahasa. Bahasa yang baik adalah bahasa yang bertenaga (berilmu) dan halus (indah) penyampaiannya. Justeru, ia mudah diterima khalayak. Bahasa yang halus adalah bahasa sastera. Bahasa sastera, bahasa yang bergaya, iaitu bahasa yang bermanfaat isinya dan indah persembahannya.

Dari aspek bahasa, ada dua hal yang perlu dijelaskan, pertama kekuatan; kedua, keindahannya. Justeru, dalam konteks penelitian sastera, sekaligus kita mengkaji bahasa dari segi kekuatan dan keindahannya dalam suatu keseluruhan dan kesatuan pengucapan (wacana) seni. Dalam hubungannya dengan kanak-kanak pembacaan puisi yang bermutu (bahasanya baik dan halus, isinya benar dan bertenaga) dapat membentuk ketrampilan bahasa mereka. Melalui sejambak puisi Dari Jendela Terbuka, unsur puisi tradisional seperti pantun dua kerat, pantun empat kerat, pantun enam kerat (talibun), pantun soal-jawab dan syair digunakan dengan meluas. Usaha dibuat untuk mengekalkan keindahan rima dan bunyi pada pantun dan syair. Sering kali rima pantun dan syair dikelirukan: rima bunyi hujung a/a/a/a yang menjadi identiti syair digunakan untuk pantun. Pantun dikenal pasti dengan rima bunyi akhirnya a/b/a/b maka itu ketelitian diperlukan supaya semangat pantun dan syair dapat dikenal pasti dan diperkasakan. Di samping itu rima di pertengahan baris dalam pantun juga cuba dikekalkan. Sebagai contoh:

Kain perca di tepi pagar  
Suka membaca fikiran segar  
(pantun membaca)

Dari Sibul ke Pengkalan Chepa  
Tanam keladi di Telaga Batu  
Kasih ibu dan juga bapa  
Kasih abadi sepanjang waktu  
(Kasih ibu dan kasih bapa)

Syair cerita dihidangkan bukan sahaja untuk ceritanya, tetapi juga untuk nilai moral, dan unsur syair itu sendiri. Rima akhir syair a/a/a/a diperkasakan supaya dapat dikenal pasti daripada bentuk pantun.

Sejarah Melaka gilang gemilang,  
Kisah lima pahlawan terbilang,  
Tuah dan Jebat nama dijulung,  
Melayu di dunia tidak akan hilang.  
(Syair Negeri Melaka)

Dalam bait-bait pantun, syair, dan sajak bebas digarapkan motivasi, pemikiran, ketinggian budi, kehalusan bahasa, semangat cintakan tanah air, kasih sayang kepada ibu bapa, guru dan alam semesta agar dapat membentuk kanak-kanak menjadi manusia yang berfikiran kreatif dan kritis dengan berlandaskan kesucian agama Ilahi di samping itu turut menjana ke arah pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan dan pemikiran kekreatifan.

### **Isi iaitu Fenomena Kehidupan Mengungkap Persoalan Manusia dan Kemanusiaan, Menjana Pemikiran Kerohanian, Pemikiran Kebitaraan dan Pemikiran Kesintifikan**

Sastera bukan sekadar bahan bacaan, tetapi lebih daripada itu. Shahnnon Ahmad (1991) menegaskan bahawa sastera sebagai seismografi kehidupan, iaitu sastera bukan sahaja mencatat, tetapi menganalisis perihal manusia dan masyarakat. Melalui sastera, banyak yang boleh dipelajari. Bagi Shahnnon, sastera sangat diperlukan untuk melengkapkan nilai sesebuah masyarakat. Melalui sastera, masyarakat juga dapat mempelajari sejarah, bertujuan untuk memperbaiki kehidupan mereka. Sehubungan dengan itu hakikat atau isi kesusasteraan adalah fenomena kehidupan yang berkait dengan manusia, haiwan, makhluk lain seperti fauna dan flora, malah dalam penghasilan sastera mutakhir, robot dan alam fantasi juga dijadikan pelaku baik dalam bentuk buku cerita mahupun filem. Oleh yang demikian, sastera bukan sahaja memaparkan dunia realiti kehidupan tetapi juga dunia fantasi dan imaginasi. Dengan perkataan lain kesusasteraan adalah manifestasi segala perkembangan pemikiran dan kreativiti pengarang yang sekaligus mencerminkan kemajuan peradaban sesuatu masyarakat atau bangsa, sama ada yang berlangsung dalam kehidupan silam mahupun dalam dunia moden hari ini.

Kesusasteraan yang bermutu, merupakan karya yang berani menyelami dan mengungkapkan kebenaran, iaitu sesuatu fenomena itu difikirkan sebaik-baik dan sehalus-halusnya. Di sinilah bersatunya kesusasteraan dengan falsafah, iaitu terhasilnya pengucapan seni yang merangkumi seluruh persoalan kehidupan yang mencapai tahap keinsafan insan. Oleh yang demikian, melalui sastera kita sebenarnya boleh mengajar dan mendidik kanak-kanak menghayati persoalan manusia dan kemanusiaan. Sehubungan dengan itu, Dari Jendela Terbuka membimbing anak-anak meneroka alam di luar rumah, mengaktifkan minda muda yang senantiasa mahu bertanya tentang banyak perkara yang dilihat dan di dengar. Keajaiban alam seperti awan, angin, hujan, matahari, bulan, pokok, burung menjadi tanda tanya yang sihat. Pertanyaan ini dapat dijawab berdasarkan sains dan kekuasaan Ilahi. Secara tidak langsung jawapan itu dihulurkan berlandaskan ilmu dan agama. Umpamanya puisi Angin seperti berikut:

Apabila daun di pokok bergetaran  
Dahan bergoyang perlahan-lahan  
Bergerak ke kiri juga ke kanan  
Aku tahu kau sudah datang  
Tetapi tetap tidak dapat ku pandang

...

Melalui sejangkak puisi Dari Jendela Terbuka memupuk hati kanak-kanak menghormati guru kerana jasa yang guru beri kepada mereka. Perkara ini jelas diungkapkan dalam rangkap berikut melalui puisi Terima Kasih Cikgu:

Selamat pagi guru bestari  
Penjana ilmu setiap hari  
Ruang yang gelap kini berseri  
Dengan hikmah yang guru beri.

...

Sifat patriotisme juga cuba dijana dengan mengenali bendera negara Jalur Gemilang. Semangat cintakan negara dengan mengamalkan hidup bersatu padu, semangat perpaduan dalam masyarakat yang berbilang bangsa haruslah disemai dengan kukuh dan dipupuk sejak seawal yang mungkin. Kanak-kanak mesti dibuka minda mereka menerima hakikat kehidupan berbilang bangsa yang sihat. Puisi Malaysia Makmur mengungkapkannya seperti rangkap berikut:

Bintang timur indah permai  
Bertiup bayu si pohon sena  
Main gelongsor tingkat bertingkat;  
Malaysia makmur penduduk ramai  
India, Melayu dan juga China  
Bertolak ansur hidup berpakat.

...

Sejak kecil kanak-kanak wajar dididik mengamalkan hidup bermasyarakat. Oleh yang demikian jiran tetangga dimesrai agar hidup menjadi harmoni umpamanya dalam puisi Jiran Kami, seperti yang diungkapkan dalam rangkap berikut:

Anak lelaki jiran kami  
Seperti abang besar tinggi  
Adiknya sebaya dengan saya  
Bermain bola terlalu suka  
Ke sekolah nanti kita bersama

...

Sikap dermawan mengambil berat hal kebajikan jiran tetangga dan mereka yang memerlukan pertolongan harus dipupuk sejak kanak-kanak lagi. Perkara ini jelas diungkapkan dalam puisi Pantun Dermawan seperti berikut:

Berarak awan beriring pagi,  
Buah salak jual di pekan;  
Sifat dermawan paling tinggi,  
Pada akhlak dimuliakan.

Ada apa pada pendita,  
Kalau umpan ikan tak makan;  
Ada apa pada harta,  
Kalau jiran tidur tak makan?

Kanak-kanak juga kaya dengan fantasi. Alam fantasi ini sihat untuk kanak-kanak sebagai proses mencerna daya kreatif yang bergelora dalam sanubari mereka. Betapa luar biasanya alam fantasi mereka, fantasi itu wajar diterima dan dilayan sebaik mungkin. Semoga alam fantasi itu dapat melahirkan pemikiran dan ciptaan yang inovatif, kreatif serta bermanfaat untuk diri, keluarga seterusnya kepada masyarakat dan negara. Perkara ini jelas seperti yang ingin disampaikan oleh penyair melalui puisi bertajuk Alangkahkah Bagusnya, seperti berikut:

Alangkah bagusnya  
Kalau dicipta kereta  
Benda menghalang boleh dielak  
Jika terlanggar, tidak rosak.

Alangkah bagusnya  
Kalau dicipta kereta  
Di dasar laut boleh menyelam  
Melihat laut dalam.

...

Tema pelbagai yang menyentuh alam kanak-kanak, dari alam rumahtangga dengan kehidupan dilingkungi ahli keluarga seperti ayah, ibu, kakak, abang dan adik serta dengan datuk dan nenek. Perkara ini jelas diungkapkan dalam puisi-puisi seperti Kasih Ibu dan Kasih Bapa, Aduh Sayang, Di Tepi Pantai, Bersama Ibu Bersama Bapa, dan Sayang Datuk. Begitu juga dengan alam persekolahan mengajar membaca dan mengeja seperti puisi A B C D, Tinggi Lagi Tinggi dan Kalau Kita Pandai Menulis. Seterusnya kepada alam kemasyarakatan dipersembahkan dalam puisi yang mementingkan keindahan bentuk dan retorik. Dalam kehidupan setiap manusia termasuk kanak-kanak, mereka memerlukan keupayaan atau kemahiran kreatif. Terdapat dua kemahiran kreatif yang penting dan perlu dikuasai mereka iaitu kemahiran kreatif bahasa dan kemahiran kreatif idea. Kedua-duanya wujud bersepadu dalam pola-pola ayat atau wacana. Kemahiran kreatif melalui prosa atau puisi adalah ketrampilan mencipta pola-pola bahasa dan idea dalam suatu kesatuan dan keseluruhan wacana. Dalam konteks sastera khususnya puisi, ciptaan pola-pola kreatif bahasa dan idea terbentuk melalui ritme dan melodi, yang mampu menimbulkan kesan keindahan dan hiburan kepada kanak-kanak.

Dalam hubungan ini Cox (1988) mengatakan dengan mendengar, menyebut, dan membaca pola-pola bahasa (puisi) berulang kali membolehkan kanak-kanak mengingat frasa dan ungkapan-ungkapan yang menarik dan kemudian menggunakannya dalam pertuturan atau tulisan. Melalui pengulangan pola-pola bahasa yang dijangkakan kanak-kanak akan mempelajari proses dan urutan idea secara tidak langsung. Pola-pola bahasa yang ringkas dan indah itu kadang-kadang menjadi bahan nyanyian hingga menjadi hafalan mereka. Melalui isi yang bernas dan bahasa yang indah dapat menjadi rangsangan kanak-kanak membina kemahiran mengungkapkan idea atau pemikiran secara tersusun dan berurutan. Latihan menggunakan pola-pola bahasa warisan seperti ini memberikan dorongan semula jadi yang menghiburkan kanak-kanak. Langkah ini menggerakkan mereka menulis variasi-variasi bahasa ciptaan mereka sendiri. Kemahiran bermain pola-pola bahasa

tradisional yang telah sedia ada seperti pantun, kanak-kanak boleh meluaskan konsep dan perbendaharaan kata. Lanjutan daripada itu melatih mereka membentuk kemahiran menyepadukan pengalaman hidup sebagai isi dan seni bahasa sebagai alat pengucapan seni. Dari sudut isi akan terhasillah nilai-nilai kemanusiaan, pemikiran dan perasaan; dan dari sudut bahasa pula terciptalah pelbagai variasi seni bahasa bagi menampilkan citra fikir dan rasa mereka. Selain daripada itu kanak-kanak boleh digalakkan bermain dengan kata-kata seni yang berbentuk lambang-lambang dan fikiran yang berkaitan dengan pengalaman hidup harian atau pengalaman imaginatif mereka.

### **Kreativiti Menampilkan Bakat Pengarang Melalui Gaya/Stail Penciptaan**

Kreativiti adalah kebolehan seseorang menyalurkan sebahagian daripada pengalaman lalu, dan dijelmakan kembali dalam bentuk yang baharu. Setiap pengalaman itu tidak semestinya baharu, tetapi baru dari segi konsepsi dan gaya persembahannya. Menurut A.Samad Said (1996), melalui sastera ditemui unsur moral, keindahan, hati nurani, keadilan, ketaqwaan, kebijaksanaan dan tazkirah yang disampaikan secara yang sederhana, tetapi amat berkesan di jiwa. Kesemua nilai-nilai murni ini dapat diterapkan ke dalam jiwa kanak-kanak melalui pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan berinovatif menggunakan bahan sastera kanak-kanak, umpamanya melalui puisi. Pada asasnya setiap kanak-kanak mempunyai bakat kreatif. Hanya corak perkembangannya yang berbeza. Ia bergantung kepada peluang, latihan dan kecerdasan. Jika latihan yang berterusan dapat diberikan, ini boleh membantu memajukan bakat dan pengalaman mereka dengan berkesan. Bakat kreatif boleh dikembangkan mengikut tahap dan proses tertentu, bermula dari tahap yang mudah kemudian maju ke tahap yang sukar. Untuk menghasilkan karya kreatif, proses, masa dan latihan perlu dirancang. Dalam hubungan ini karya sastera yang bermutu perlu dijadikan model penelitian bagi mendapatkan pengalaman kreatif daripada karya tersebut. dalam soal ini guru dan ibu bapa harus berperanan iaitu memilih buku-buku sastera yang bermutu ciptaannya supaya dapat dijadikan rujukan membina bakat kreatif kanak-kanak. Umpamanya melalui puisi bertajuk Dari Jendela Terbuka, jelas puisi ini meminta kanak-kanak supaya berfikir dengan kreatif dan kritis, memikirkkan unsur-unsur alam yang boleh dikaitkan dengan unsur sains, geografi dan sebagainya. Namun di sebalik itu kanak-kanak harus diterapkan dengan pemikiran kerohanian, betapa agungnya ciptaan Yang Maha Kuasa, iaitu Allah S.W.T. Hayati rangkap puisi bertajuk Dari jendela Terbuka:

Jendela terbuka ini  
Banyak rahsia sakti  
Lihat dengan mata  
Bertanya dengan hati

Cantik burung terkembang  
Dua sayap terkembang  
Mengapa tidak jatuh?  
Terdampar di tanah lapang?

Tinggi pokok kelapa  
Pokok durian juga  
Buahnya mengapa gugur  
Ke bumi bertimpa-timpa?

...

Semasa mencipta puisi untuk kanak-kanak kedua-dua alat iaitu, imejan dan bahasa muzik merupakan dua alat teknikal ciptaan kreatif yang penting difahami penggunaannya. Alat ini berfungsi untuk menggerakkan deria atau sense kanak-kanak, sebelum membawa mereka kepada peringkat seterusnya. Kanak-kanak juga akan dilatih untuk berfikir dan memahami seterusnya menjiwai maksud puisi yang didengarkan. Makin dalam kanak-kanak dapat merasai melalui puisi, makin kaya wawasan dan kefahamannya tentang pelbagai fenomena kemanusiaan dalam kehidupan. Demikianlah tujuan puisi diajar kepada kanak-kanak.

Melalui puisi yang diperkenalkan kepada kanak-kanak, ia boleh dijadikan bahan cerita oleh kanak-kanak untuk membina daya kreativiti mereka dan melihat emosi mereka. Kanak-kanak dapat mengetahui bentuk perkataan yang boleh dijadikan cerita berdasarkan puisi yang diperdengarkan kepada mereka sekali gus dapat memantapkan perkembangan bahasa dan bunyi perkataan. Kanak-kanak juga dapat bercerita mengikut tahap kefahaman dan pengetahuan mereka berdasarkan apa yang berlaku di sekeliling mereka. Imajinasi atau fantasi juga merupakan satu keperluan kanak-kanak. Walter Sawyer (1997) menyatakan imajinasi adalah rambang dan sukar ditanggap. Kita membuat kesimpulan kehadirannya melalui kesannya, samalah seperti kita menyatakan bahawa bayu berpuput, bayu yang tidak dapat kita lihat, kerana kita dapat mendengar dan melihat geseran daun-daun di pokok. Semangat perlindunganlah yang kita rasakan dalam semua kisah yang agung kita hanya merasakan kehadirannya. Sehubungan dengan itu sastera kanak-kanak perlu kepada mereka kerana daya khayalan dan imajinasi kanak-kanak haruslah dipandu ke arah yang benar supaya mereka nanti menjadi insan yang soleh dan solehah.

## **KESIMPULAN**

Melalui pengajaran dan pembelajaran bahan kesusasteraan Melayu khususnya puisi kanak-kanak secara tidak langsung para pendidik sama guru atau ibu bapa telah menyampaikan banyak nasihat yang berguna, petua-petua yang berharga, pantang larang yang harus dielakkan, kiasan yang tepat, sindiran yang tajam, humor yang mengusik hati, undang-undang masyarakat yang perlu dipatuhi. Pedoman hidup yang luhur dan tunjuk ajar yang berfaedah yang kesemuanya mengajar dan mengasuh manusia supaya hidup berbudi bahasa dan berakhlak mulia.

Puisi kanak-kanak juga dapat menyalurkan cita rasa, daya kreatif, bakat, idea serta ilham para seniman dan sasterawan dalam memperkembangkan budaya serta mempertingkatkan tamadun bangsa. Puisi juga dapat dilihat sebagai suatu sumber pengaliran jiwa yang mencerminkan identiti serta hati budi sesuatu bangsa tersebut. Di samping cintakan tanah air (patriotik) dan dapat memberi kesedaran serta keinsafan seseorang insan terhadap kebesaran dan kekuasaan Tuhan. Semua unsur-unsur ini sangat sesuai untuk diterapkan kepada kanak-kanak melalui puisi,



ibarat melentur buluh biarlah dari rebungunya. Kanak-kanak perlu didedahkan kepada kesusasteraan yang bermutu. Untuk mencapai objektif tersebut antara yang perlu dititikberatkan ialah meneliti semula konsep sastera kanak-kanak, meningkatkan usaha kritikan ke atas sastera kanak-kanak, seterusnya melahirkan karya yang bermutu dan berkualiti. Untuk melahirkan karya yang bermutu aspek psikologi kanak-kanak terutamanya dari segi keperluannya juga harus diambil kira. Pengalaman kanak-kanak tidaklah seluas orang dewasa. Justeru, melalui bahan pembacaan sekurang-kurangnya mereka dapat mengutip beberapa pengalaman untuk dijadikan panduan hidup. Dunia sastera tidak pernah dan tidak akan terlepas daripada alam semesta. Isu-isu yang didedahkan dapat dijadikan panduan kepada kanak-kanak. Bahan bacaan yang sesuai untuk kanak-kanak harus dikaji semula baik daripada isi mahupun bentuknya untuk melahirkan karya yang bermutu.

Kesimpulannya, sastera kanak-kanak merupakan bahan bacaan yang sesuai untuk kanak-kanak kerana dapat memberikan gambaran kehidupan dan fikiran manusia sejagat serta menambahkan pengalaman kanak-kanak. Kesusasteraan kanak-kanak akan terus berkembang bersama-sama arus globalisasi sekiranya sastera Melayu terus mendapat tempat di hati masyarakat dan selagi sastera Melayu masih mempunyai khalayaknya. Sastera kanak-kanak merupakan penyumbang besar terhadap asas pembentukan serta minda kanak-kanak. Hal ini kerana, pembentukan minda kanak-kanak pada peringkat rebung mudah menerima didikan serta ajaran. Melalui pengajaran yang kreatif dan berkesan dengan menggunakan bahan sastera, keseimbangan pembentukan dan perkembangan dari aspek kognitif dan afektif serta psikomotor kanak-kanak akan menjadi lebih berkesan. Sehubungan dengan itu semua pihak haruslah memainkan peranan yang penting seperti golongan pendidik, ahli akademik serta ibu bapa bagi memastikan agar kesusasteraan kanak-kanak tidak terabai dan terpinggir.

## RUJUKAN

- Abdullah, H. & Aion, M. (2001). *Kursus berfikir untuk kolej dan universiti*. Kuala Lumpur: PIS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Fatah, H. (1998). *Pemikiran keseluruhan otak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Anis. (2009). *Dari jendela terbuka. Sejambak puisi kanak-kanak*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Anwar, R. (2004). *Hati mesra pantun Melayu sebelum 1914*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad, S. (1996). *Antara kabus ke kabus*. Selangor: Makruf Publisher & Distributors Sdn. Bhd.
- Calterson, J.I. (1989). *Children and literature*. New York: International Reading.
- De Bono, E. (1969). *The Mechanism of Mind*. England: Penguin Books.
- De Bono, E. (1972). *PO Beyond yes & no*. England: Penguin Books.
- Dharmawijaya. (1987). *Tanggapan dan kaedah pengajaran puisi*. Selangor: International Book Service.
- Dharmawijaya. (1988). *Berkenalan dengan puisi*. Petaling jaya, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Dharmawijaya. (1998). *Dunia puisi dalam penelitian dan pengajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hadijah, R. (2006). *Peranan dan perkembangan sastera kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haviland, V. (1972). *Children and literature:View and Review*. London: Bodley Head
- Muhammad Ariff, A. (2004). *Mari kita berpantun*. Singapura: Penerbit Majlis Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Penerangan dan Kesenian, Singapura.
- Muhammad, S. (2008). *The poetics of Malay literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muhammad S. (2009). Kertas Kerja berjudul Menulis Puisi Pada Alaf Kedua Dalam Pertemuan Penyair Nusantara. Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Nasional.
- Mustafa, A. R. (2001). *Hadith 40 (Terjemahan dan Syarahannya)*, Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Md Sidin, A.I. (2005) *Perkembangan sastera kanak-Kanak di Malaysia*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn.Bhd.
- Mohd. Yusof, H. (2003). *Pemikiran Saintifik SPB4L*. Selangor: Longman.
- Mohammad, Y. H. (2002). SPB4L Melahirkan Insan Syumul. *Dewan Sastera* (Mac 2002: 6, 20).
- Mohd. Yusof, H. (2003). Penerapan Teori SPB4L Dalam Karya Abdullah Hussain Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Yusof, H. (2004). Siri Wacana Ilmu Profesor UPSI. Pembinaan Teori Pendidikan Pemikiran UPSI. Tanjong Malim: UPSI (11 Disember 2004)
- Othman, P. (1984). *Sekitar sastera kanak-kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: DBP
- Walter, S. & Diana E.C. (1997). *Membesar bersama kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.